

MASYARAKAT HARMONI SUATU MATLAMAT YANG UNGGUL

**Hamidi Ismail
Tuan Pah Rokiah Syed Hussain**

*Fakulti Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar
Universiti Utara Malaysia
06070 Sintok, Kedah.*

hamidi@uum.edu.my
sh.rokiah@uum.edu.my

Tel. 04-928 5256 (P) 019-4509472 (HP)

ABSTRAK

Hidup dalam keadaan masyarakat yang harmoni memang diimpikan oleh setiap manusia dari zaman dahulu hingga kini, hanya perubahan masa yang menyaksikan sikap dan cara hidup manusia semakin berubah. Keharmonian sukar dinikmati oleh kita semua sekiranya terhadap pelbagai masalah yang melanda masyarakat dari pelbagai sudut. Apa yang paling utama dalam kertas kerja ini ialah bagaimana nak mengharmonikan masyarakat dan apakah halangan yang akan dihadapi oleh kita bagi mewujudkan suasana harmoni ini supaya generasi kini dan akan datang selesai dalam persekitaran yang dianugerahi Allah.

PENGENALAN

Alam adalah anugerah dan ciptaan Allah swt. kepada manusia sebagai makhlukNya yang terbaik dan ia semestinya diurus dan dijaga dengan baik sebagai amanah manusia zaman-berzaman. Pada hari ini, pencabulan terhadap amanah Allah ini semakin hebat berlaku yang seringkali mencabar minda manusia bagi memikirkannya mencari jalan penyelesaian ke arah mewujudkan suasana harmoni. Dalam mengejar keharmonian ini pelbagai cara dilakukan oleh manusia seperti menggubal peraturan dan undang-undang hidup yang kadang kala tidak begitu berkesan, malah dipersoalkan oleh masyarakat kerana pelaku dan pelaksana undang-undang juga adalah manusia yang mempunyai nafsu.

KEPERLUAN KEPADA MASYARAKAT HARMONI

Beberapa abad yang lampau, manusia hidup dalam keadaan yang serba ringkas seperti zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka sekitar kurun ke-14. Mereka telah mengecapi zaman keagungan yang sering dikaitkan dengan sikap dan corak pemerintahan yang berjaya sehingga menjadi sebuah kuasa Melayu yang agung. Persekitaran pada masa tersebut bukan

menjadi isu besar kerana belum mengenal teknologi mengeksploitasi sumber alam secara besar-besaran untuk tujuan komersil.

Pada hari ini, teknologi moden digunakan dalam segala aktiviti harian bagi mempercepat kerja dan pengeluaran semata-mata untuk meningkatkan permintaan pasaran global dan tempatan yang tinggi. Mulai dari saat inilah, maka sikap manusia telah hilang pertimbangan dalam penjagaan khazanah yang menjadi amanah Allah.

Walau apapun yang berlaku, tugas masyarakat sekarang adalah memikirkan bagaimana untuk menyelesaikan masalah alam sekitar ekoran daripada kerosakan alam yang berlaku. Masyarakat seharusnya tidak boleh menyalahkan mana-mana pihak dalam isu pencemaran dan penggunaan teknologi yang tidak mesra alam kerana semua pihak terlibat dalam hal ini.

Masyarakat yang harmoni perlu dalam menjalani hidup kerana ia menjadi asas penting kepada kesejahteraan persekitaran fizikal dan manusia. Dalam hal ini, masyarakat harmoni dilihat dalam konteks yang luas tidak hanya kepada persekitaran manusia tetapi juga kepada persekitaran fizikal. Kedua-dua jenis persekitaran ini saling berkaitan antara satu sama lain dalam kerangka sistem. Kertas kerja ini melihat masyarakat harmoni semestinya mengambil kira aspek agama, etika, kewangan, teknologi, data, tenaga kerja, politik, pendidikan, kesihatan dan pemakanan, perumahan, kemudahan asas, dan kemiskinan.

KRITERIA PENTING KE ARAH MASYARAKAT HARMONI

Selaku seorang manusia yang mempunyai **pegangan agama** sebagai pedoman hidup, kehidupan seharusnya berlandaskan hukum dan peraturan yang ditetapkan oleh agama (Shamsul Adabi Mamat dan Mohd Bustaman Abdul Aziz, 2002). Kitab suci adalah panduan penting untuk dihayati dan ini sememangnya tidak boleh disangkal lagi tentang kebenaran yang disulahi oleh Pencipta manusia. Mana-mana agama menceritakan keadaan ini supaya manusia bijaksana dalam menguruskan alam sekitar. Hanya yang berbeza antara agama adalah sejauhmanakah terperinci dan penekanan terhadap penjagaan alam sekitar. Agama Islam mengaitkan keharmonian alam sekitar dengan ilmu, kebijaksanaan manusia dan amanah Allah. Amanah ini sangat besar ertinya dalam kehidupan seharian supaya manusia merenung dan memikirkan bagaimana untuk menguruskannya menggunakan akal yang dikurniakanNya kepada manusia.

Berkaitan juga dengan agama sebagai penyuluh hidup, tidak semua manusia memiliki **etika** dan nilai moral yang tinggi (Jamaluddin Md. Jahi, 2001 dan Mashitoh Yaacob, 2001). Kepentingan etika sememangnya tidak boleh disangkal lagi kerana tanpanya manusia seolah-olah tidak mematuhi perintah Allah yang menyuruh berbuat baik dan berfikiran positif. Mereka yang beragama dalam erti kata mudah tidak semestinya melakukan perkara yang benar sepanjang masa kerana masih lagi terikat dengan nafsu yang mendorong ke arah kejahatan di muka bumi. Oleh itu, dalam mewujudkan masyarakat harmoni ini penghayatan agama dengan betul dan diikuti oleh

etika adalah penting. Keharmonian akan terbit daripada manusia yang berfikiran waras berlandaskan kepada agama dan sikap positif (etika).

Faktor **kewangan** juga sebenarnya menjadi agenda penting dalam pembangunan negara, khususnya aspek perancangan ekonomi masyarakat (Jamaluddin Md. Jahi, 2001 dan Hassan, 2001). Kewangan yang kukuh menjadikan sumber urus tadbir pembangunan menjadi lancar dan ini memudahkan negara menggunakan sumber alam yang ada bagi pembangunan manusia supaya keharmonian masyarakat dan persekitaran wujud. Mana-mana negara dunia yang gagal menyediakan sumber kewangan yang mencukupi boleh merencatkan pertumbuhan pembangunan secara berkesan dan ini sekaligus akan mengundang masalah kepada masyarakat dan alam sekitar. Pembangunan yang berkesan memerlukan perancangan yang baik dan ini mempunyai kaitannya dengan penggunaan tenaga mahir, jawatan, teknologi dan sebagainya yang berkaitan dengan peruntukan kewangan.

Berkaitan dengan kewangan juga adalah penggunaan **teknologi** terkini dan mesra alam (Jamaluddin Md. Jahi, 2001 dan Hassan, 2001). Pengurusan dan penjagaan alam sekitar sememangnya memerlukan kepada penggunaan teknologi yang mesra alam supaya impak daripadanya tidak merosakkan alam sekitar dalam jangka masa singkat atau panjang. Agak sukar bagi negara mengenal pasti teknologi terkini dan mesra alam kerana setiap penciptaan sesuatu teknologi menggunakan sumber asli dan di akhir penggunaannya kelihatan kesan yang ditinggalkan. Walau bagaimanapun, pilihan yang terbaik adalah teknologi yang kurang memberikan kesan kepada persekitaran secara jelas dan tidak begitu signifikan. Contohnya adalah penggunaan racun makhluk perosak sekiranya dilihat dan dikaji memberikan kesan jangka panjang kepada rantai makanan dan kitar hayat serangga. Mungkin pada suatu ketika nanti, serangga akan menjadi mangli dan racun tersebut sudah tidak berkesan lagi. Malahan, hidupan akuatik akan turut mengalami keracunan.

Mengurus alam sekitar sebenarnya memerlukan kepada asas **data** yang lengkap (Jamaluddin Md. Jahi, 2001) supaya memudahkan kerja perancangan, perunjuran, ramalan dan bajet perbelanjaan dalam pembangunan. Amat malang sekali negara kita masih mengalami kekurangan data alam sekitar bagi tujuan perancangan terutamanya pada tahun-tahun yang lama dahulu. Namun, negara sedang mengumpulkan data alam sekitar dengan selengkapnya bagi tujuan tersebut pada masa kini. Contohnya adalah data spesies akuatik negara, tumbuhan, kadar pencemaran dan lain-lain aspek kajian seperti biodiversiti. Masyarakat harmoni memerlukan negara melihat perkara-perkara sebegini bagi tujuan perancangan, perunjuran, ramalan dan bajet perbelanjaan dalam pembangunan. Usaha murni kerajaan dalam menjaga khazanah alam ini amat dihargai dan memerlukan sokongan padu masyarakat demi kebaikan bersama.

Bagi mengurus alam sekitar supaya mencapai tahap yang terbaik agak sukar tetapi untuk mewujudkan suasana harmoni mungkin boleh dicapai dengan meningkatkan jumlah **pekerja mahir** dalam pelbagai bidang kajian alam

sekitar dan disiplin berkaitan (Jamaluddin Md. Jahi, 2001). Tenaga kerja mahir dan mencukupi amat penting bagi tujuan pengawalan, pemantauan dan pengurusan negara khususnya aspek pengurusan alam sekitar. Masalah sekarang adalah kekurangan pakar atau pekerja yang berpengetahuan dalam bidang alam sekitar untuk menangani masalah alam sekitar semasa sama ada peringkat negara, kerajaan tempatan atau setempat. Situasi ini amat membimbangkan kerana apa sahaja perancangan dan perundangan yang digubal tidak dapat dikuatkuasakan kerana kekangan kakitangan yang terlatih. Maka, perancangan negara pada masa hadapan mesti menekankan kepada pembangunan staf sedia ada dan mewujudkan lebih banyak jawatan untuk diisi oleh graduan dalam bidang pengurusan alam sekitar.

Langkah pertama dan penting dalam mewujudkan masyarakat berdaya saing, berkualiti, berinovatif dan berfikiran positif adalah menyediakan sistem pendidikan yang berkesan. **Pendidikan** (Lukman Z. Mohamad, Abdul Aziz Jamain, Mohd Yusof Hussain dan Faridatul Azna A. Shahabuddin, 2002) adalah agenda penting negara yang perlu seiring dengan pembangunan nasional kerana tanpa pendidikan negara akan gagal mewujudkan masyarakat yang berkualiti tinggi. Sebab itulah, masyarakat yang harmoni satu daripada perkara penting adalah pendidikan. Dalam hal ini, pendidikan alam sekitar perlu menekankan kepada pembinaan pemikiran menyayangi persekitaran dan menjaga alam sekitar supaya generasi kini dan akan datang tidak lagi memandang rendah kepada masalah alam sekitar yang sering wujud di kawasan mereka. Melalui pendidikan juga masyarakat mudah menerima saranan dan arahan kerajaan serta akan wujud kesedaran dalam penjagaan alam sekitar.

Masyarakat yang sihat adalah tulang belakang negara yang harmoni. Faktor **Kesihatan** adalah perkara penting yang seharusnya dititikberatkan dalam perancangan negara (Lukman Z. Mohamad, Abdul Aziz Jamain, Mohd Yusof Hussain dan Faridatul Azna A. Shahabuddin, 2002). Kesihatan ini sebenarnya mempunyai kaitan dengan persekitaran fizikal iaitu sekiranya persekitaran fizikal baik, maka kesihatan juga mungkin akan meningkat secara rasionalnya. Faktor kesihatan ini mempunyai kaitan juga dengan pemakanan masyarakat yang seimbang dan bersih. Jadi, untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni ia memerlukan kepada keadaan persekitaran fizikal yang sihat dan pemakanan yang bersih.

Masalah **perumahan** negara yang mengalami kekurangan bagi golongan berpendapatan rendah agak membimbangkan kerana ia mungkin akan menghalang masyarakat menikmati kehidupan dengan lebih sempurna. Kehidupan yang harmoni bukan hanya melihat aspek persekitaran fizikal sahaja ia juga seharusnya melihat jauh daripada itu iaitu menitikberatkan persoalan tempat tinggal yang selesa sesuai dengan taraf hidup masyarakat (Lukman Z. Mohamad, Abdul Aziz Jamain, Mohd Yusof Hussain dan Faridatul Azna A. Shahabuddin, 2002). Negara perlu menyediakan tempat tinggal kepada masyarakat supaya kehidupan menjadi lebih baik. Isu perumahan bukanlah boleh dijadikan agenda politik sesetengah pihak kerana ia memerlukan kerjasama semua pihak, baik kerajaan, bukan kerajaan atau pembangkang dalam parti politik.

Berkaitan juga dengan isu perumahan adalah **masalah kemiskinan**. Masalah ini memerlukan kerajaan dan badan bukan kerajaan serta pihak swasta mengambil langkah proaktif bagi membasmi kemiskinan supaya rakyat dapat hidup dengan lebih baik. Kemiskinan menjadi salah satu punca masalah sosial yang semakin meningkat di samping masalah lain seperti kurang kasih sayang dan terlalu mengikut budaya negatif. Masyarakat yang harmoni seharusnya mengeneppikan masalah ini kerana ia boleh menghalang masyarakat daripada maju dan progresif. Oleh itu, langkah membasmi kemiskinan yang dianjurkan oleh kerajaan patut disokong sepenuhnya oleh masyarakat dan pihak-pihak tertentu supaya mencapai sasaran menjelang negara maju (Tuan Pah Rokiah Syed Hussain dan Hamidi Ismail, 2002).

Memandangkan dunia moden kini melihat proses pembangunan boleh diwujudkan dengan pemikiran probabilistik, maka **penyediaan kemudahan asas** (Wan Rozali Wan Hussin, 2001) bukan menjadi agenda penting di kawasan pedalaman yang sukar diakses. Pengaruh bentuk muka bumi bukan halangan utama lagi dalam dunia ini. Cuma, mungkin faktor kewangan kerajaan mempengaruhi hal ini memandangkan penyediaan kemudahan asas seperti jalan raya menelan kos yang tinggi untuk diberikan kepada masyarakat secara serentak. Begitulah juga dengan masalah bekalan air bersih ke kawasan luar bandar. Namun demikian, ia boleh diatasi dengan proses perancangan yang betul dan daya usaha pihak tertentu yang tinggi. Sekiranya masalah asas ini dapat diatasi dengan segera, maka proses bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni akan tercapai suatu masa nanti tanpa perlu merosakkan imej sesetengah pihak.

Dalam apa jua sekalipun perancangan dan pelaksanaan pembangunan negara, **kuasa politik** memainkan peranan penting (Jamaluddin Md. Jahi, 2001). Politik digunakan dalam membuat keputusan dan politik jugalah boleh menggagalkan usaha murni sesebuah pembangunan yang hendak dijalankan. Walau apa keadaan sekalipun, pemerintah yang mempunyai kuasa politik mampu melaksanakan keputusan mereka berdasarkan pertimbangannya. Ini kadangkala berlaku keadaan pilih kasih atau perasaan tidak puas hati masyarakat terhadap pemerintah. Dalam mencapai suasana harmoni, perasaan pilih kasih, pembangunan yang bersifat politik, pembangunan yang dianggap membazir perlu dielak supaya pembangunan yang benar-benar perlu oleh masyarakat umum harus dimajukan.

HALANGAN-HALANGAN UTAMA

Terdapat beberapa halangan penting bagi mewujudkan masyarakat harmoni negara ini. Pertama adalah **sikap** anggota masyarakat umum, pihak swasta dan pihak berkuasa. Masyarakat Malaysia sering digambarkan sebagai pengikut budaya orang luar yang kadangkala mempunyai pengaruh negatif. Malahan masyarakat negara ini juga suka mendiamkan diri sekiranya berlaku kejadian yang mengancam nyawa serta keselamatan mereka. Keadaan ini menyebabkan masalah alam sekitar dan masalah sosial berleluasa. Sesetengah pihak lain pula iaitu pihak swasta dikatakan lebih mementingkan keuntungan jangka pendek yang kurang prihatin dalam penjagaan alam sekitar sehingga menyebabkan isu alam sekitar semakin meningkat. Ini boleh

dilihat dalam dada-dada akhbar atau media massa secara amnya. Tidak kurang juga dengan sikap pihak berkuasa yang sesetengahnya seolah-olah mengikut telunjuk pihak pengusaha industri dalam dan luar negara yang mementingkan keuntungan. Rasuah berlaku, ugutan terjadi sehingga merosakkan imej jabatan kerajaan yang dikatakan gagal memainkan peranan yang diamanahkan kepada mereka.

Selain daripada sikap yang dianggap paling penting, masalah penerimaan dan pemilikan **ilmu pengetahuan** juga menjadi isu penting kerana masih ramai anggota masyarakat yang gagal memperoleh ilmu pengetahuan dalam aspek penjagaan alam sekitar dan pengurusan sosial. Ini diburukkan lagi dengan keadaan sistem pendidikan negara yang tidak mengutamakan pendidikan alam sekitar sehingga masyarakat tidak tahu menjaga dan memelihara alam sekitar mereka. Ilmu pengurusan alam sekitar sepatutnya dijadikan mata pelajaran khusus di sekolah-sekolah rendah dan menengah supaya proses pendidikan alam sekitar berlarutan sesuai dengan pembangunan dan perkembangan manusia. Oleh kerana masyarakat kekurangan ilmu pengetahuan, maka kecenderungan melakukan kesalahan dan pelanggaran peraturan alam sekitar adalah tinggi. Bahkan, proses pendidikan alam sekitar dan proses menanamkan kesedaran penjagaan alam sekitar seperti iklan, kurang berjaya disebabkan oleh tiada ilmu asas dalam pengurusan alam sekitar.

Pegangan agama sebenarnya memainkan peranan penting dalam memandu masyarakat ke arah kehidupan harmoni. Malangnya, pegangan agama kebanyakan anggota masyarakat agak longgar sehinggakan gagal menghayati suruhan agama. Ini suatu perkara yang amat menyedihkan kerana faktor pegangan agama yang longgar cenderung mewujudkan masyarakat yang jiwa mereka lebih mementingkan diri, pengikut budaya salah, bertingkah laku kurang sopan, merosakkan sumber alam, tidak ikut arahan kerajaan dan sebagainya. Oleh itu, bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni dan dinamik, kesemua kelemahan yang berlaku dalam masyarakat yang berpunca daripada salah faham terhadap ajaran agama patut dirungkai kembali.

KESIMPULAN

Sebuah masyarakat yang harmoni sebenarnya suatu matlamat yang unggul, tetapi ia memerlukan kerjasama semua pihak baik kerajaan, anggota masyarakat, badan bukan kerajaan, pihak swasta dan tidak kurang pentingnya adalah keluarga yang menjadi nukleus dalam masyarakat hari ini. Keunggulan sesebuah masyarakat bergantung kepada sejauh manakah masalah semasa dapat diselesaikan dan sejauh manakah pula sikap ahli masyarakat dapat dididik ke arah pembentukan sebuah masyarakat harmoni yang merupakan matlamat unggul dalam negara berdaulat.

RUJUKAN

- Hassan, P. 2001. Environment and sustainable development. *Environmental Policy and Law*, 31 (1): 36-43.
- Jamaluddin Md. Jahi. 2001. Pengurusan alam sekitar di Malaysia: dari Stockholm ke Rio de Janeiro dan seterusnya. *Siri syarahan perdana jawatan profesor*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lukman Z. Mohamad, Abdul Aziz Jamain, Mohd Yusof Hussain dan Faridatul Azna A. Shahabuddin. 2002. Dilema pembangunan- satu sorotan. Dalam, Lukman Z. Mohamad, Abdul Aziz Jamain, Mohd Yusof Hussain dan Faridatul Azna A. Shahabuddin (Pynt.), *Impak pembangunan kualiti hidup dan persekitaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. pp. 3-8.
- Mashitoh Yaacob. 2001. Persoalan etika dalam pembangunan sumber alam sekitar. Dalam, Jamaluddin Md. Jahi, Kamaruzzaman Sopian, Mohd Jailani Mohd Noor dan Abdul Hadi Harman Shah (Pnyt.), *Environmental management 2000*. Bangi: Pusat Pengajian Siswazan, Universiti Kebangsaan Malaysia. pp. 53-68.
- Shamsul Adabi Mamat dan Mohd Bustaman Abdul aziz. 2002. Al-Quran, manusia dan falsafah alam sekitar. Dalam, Jamaluddin Md. Jahi dan Mohd Jailani Mohd Noor (Pnyt.), *Environmental management 2001*. Bangi: Pusat Pengajian Siswazan, Universiti Kebangsaan Malaysia. pp. 12-22.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain dan Hamidi Ismail. 2002. Kemiskinan di Malaysia: isu dan cabaran. Dalam, Lukman Z. Mohamad, Abdul Aziz Jamain, Mohd Yusof Hussain dan Faridatul Azna A. Shahabuddin (Pynt.), *Impak pembangunan kualiti hidup dan persekitaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. pp. 41-53.
- Wan Rozali Wan Hussin. 2001. Pertumbuhan bandar dan kualiti hidup sosial pada abad ke-21. Dalam, Lukman Z. Mohamad, Abdul Aziz Jamain, Mohd Yusof Hussain dan Faridatul Azna A. Shahabuddin (Pynt.), *Impak pembangunan kualiti hidup dan persekitaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. pp. 87-104.